

BAB IV

LAPURAN PENYELIDIKAN

BAB IV

LAPURAN PENYELIDIKAN

Sebagaimana telah disebutkan di dalam Bab I tentang perumusan masalah bahawa masalah-masalah yang menjadi objek penyelidikan kertas projek ini ialah:

- i. Bagaimanakah proses perkembangan Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh, Kelantan ?.
- ii. Apakah pokok-pokok ajaran Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh, Kelantan ?
- iii. Bagaimanakah pengaruh Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh, Kelantan ?

Bagi menjawab persoalan-persoalan tersebut, penulis akan mengemukakan lapuran-lapuran hasil daripada penyelidikan yang penulis lakukan. Lapuran ini, penulis kemukakan secara tertib menurut perumusan masalah di atas, iaitu:

- i. Perkembangan Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh, Kelantan.
- ii. Pokok-pokok ajaran Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh, Kelantan.
- iii. Pengaruh dan kesan Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh, Kelantan.

I) Perkembangan Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh

Penulis membuat kajian mengenai perkembangan Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh, Kelantan. Tidak dapat difikirkan bahawa gerakan tariqat ini tertumpu di kawasan Bukit Abal yang terletak ham-

pir dengan Pasir Puteh, kerana di situ terdapat seorang tokoh tasauf dan tariqat yang terkenal iaitu Tuan guru Haji Daud, di mana beliaulah yang bertanggungjawab dalam perkembangan tariqat tersebut. Beliau merupakan seorang sheikh tariqat terpenting selepas generasi Haji Wan Musa dan Sidi Azahari.

Haji Daud dilahirkan di Kampung Limbat, iaitu sebuah kampung yang berdekatan dengan Pondok Pasir Tumbuh pada tahun 1903. Gelaran al Labadi digunakan bersempena nama Kampung Limbat, tempat kelahirannya.¹ Semasa kecil beliau diasuh oleh bapanya dengan pendidikan agama. Ketika berusia 12 tahun beliau dihantar untuk belajar dengan Haji Othman b. Haji Muhammad atau gelarannya Tok Bachok.² Semasa tinggal di situ, beliau diajar untuk hidup sederhana dan sentiasa beritadat kepada Allah serta bersembahyang berjemaah. Suasanan ini membentuk peribadi mulia beliau. Kemudian apabila mencapai umur 15 tahun, beliau belajar pula dari Tok Kentali yang terkenal sebagai seorang ^calim. Beliau juga pernah berguru kepada Haji Omar Sungai Keladi. Ketika berada di Kota Bharu, beliau belajar pula dengan Haji Nik Abdullah b. Haji Wan Musa yang beramal dengan Tariqat Ahmadiyah. Haji Nik Abdullah merupakan

¹ Ismail Awang, Haji Daud Bukit Abal, Pengasuh, Mei, 1978, Bil. 433. hlm. 54.

² Ibid. Dan kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan temu ramah penulis dengan Ustaz Muhammad Ridha Haji Daud yang kini menjadi sheikh Tariqat Ahmadiyah di Bukit Abal menggantikan bapanya. Wawancara ini diadakan di rumah beliau di Bukit Abal pada 29 Ogos 1989.

pakan orang pertama memperkenalkan Tariqat Ahmadiyah kepada Haji Daud. Walau pun telah mendapat didikan daripada beberapa orang guru yang mengajar di Masjid Muhammadi, beliau masih belum berpuas hati. Untuk memenuhi ketidak puasannya itu, beliau berangkat ke India. Tetapi tidak lama kemudian, bapa saudaranya Haji Wan Ahmad yang lebih dikenali dengan Haji Awang Limbat telah memanggilnya kembali ke Kelantan.³ Sikap Haji Wan Ahmad ini mungkin ada kaitan dengan perkembangan pemikiran baru dalam Islam yang di pelopori oleh Shah Waliyullah. Mungkin juga Haji Wan Ahmad tidak mahu Haji Daud ikut terpengaruh dengan pembaharuan pemikiran tersebut.⁴

Setelah kembali dari India, beliau merantau ke negeri-negeri di Malaysia untuk mencari guru yang ^calim. Beliau telah ke Melaka, Johor, Singapura, Negeri Sembilan dan akhirnya Perak. Di sana beliau telah diberi tauliah untuk mengajar agama. Tetapi beliau tidak lama di situ dan pulang semula ke Kelantan. Oleh kerana keinginannya yang kuat untuk menari ilmu, beliau dengan keizinan bapa saudaranya telah pergi ke Mekah.⁵ Semasa di sana beliau menceburkan diri dalam berbagai-bagai pelajaran yang berkaitan dengan agama. Beliau paling berminat dalam pelajaran Ilmu Tasauf dan tariqat. Minat ini timbul kerana beliau sudah mempunyai

³ Ismail Awang, op. cit, hlm. 54.

⁴ Hamdan Hassan, op. cit, hlm. I63.

⁵ Wawancara penulis dengan Imam Haji Muhammad b. Yusuf di Kampung Bukit Abal pada 29 Ogos 1989.

asas di dalam pelajaran tersebut semasa menuntut dengan Haji Nik Abdullah. Bukan setakat mempelajarinya sahaja, malah beliau ikut menjadi ikhwan Tariqat Ahmadiyah. Ajaran Tariqat Ahmadiyah lebih menekankan konsep ikatan persaudaraan atau silaturrahim. Oleh itu, soal-soal sedemikian sering dititik beratkan samada ikatan antara murid dengan guru atau murid sesama murid. Mereka lebih suka menggunakan istilah yang melambangkan konsep tersebut iaitu ikhwan dimana ia merujuk kepada ahli tariqat tersebut. Istilah pengikut atau ahli tidak digunakan kerana ia tidak melambangkan sikap berkasih sayang, tolong menolong dan ikatan yang etat sesama mereka.


Semasa beliau berada di Mekah, terdapat dua orang ahli sufi yang mashur dari aliran Tariqat Ahmadiyah iaitu Haji Shafie Haji Salleh atau Tok Shafie. Seorang lagi ialah Sidi Abbas, anak Sidi Muhammad b. Ahmad al Dandarawi yang berasal dari Kampung Dandara Mesir.⁶ Terdapat satu kenyataan yang mengatakan bahawa Haji Daud belajar dan menerima Tariqat Ahmadiyah daripada Tok Shafie. Fakta ini disokong lagi dengan kenyataan-kenyataan yang menunjuk bahawa pelajar-pelajar dari Kepulauan Melayu, lebih-lebih lagi dari Malaysia cenderung untuk belajar kepada Tok Shafie yang mengajar dalam Bahasa Melayu.⁷ Mengikut keterangan Haji Mansor Haji Muhammad Said ketika ditemuramah oleh Hamdan Hassan bahawa beliau ke-

⁶ Hamdan Hassan, op. cit, hlm. I63.

⁷ Wawancara penulis dengan Ustaz Muhammad Ridha Haji Omar pada 29 Ogos 1989.

nal baik dengan Haji Daud. Beliau selalu saja melawat rumahnya tetapi tidak pernah pergi berzikir di rumah Sidi Abbas sebagaimana yang dilakukan oleh keluarga Haji Mansor.⁸

Dari maklumat ini jelaslah bahawa Haji Daud tidak menerima tariqat tersebut dari keturunan Sidi Muhammad b. Ahmad al Dandarawi, malahan menerimanya daripada Tok Shafie. Keterangan ini lebih jelas lagi dengan adanya pengakuan Haji Daud sendiri bahawa beliau menerima tariqat ini daripada Tok Shafie.⁹ Mengikut fakta di atas, maka salsilah Tariqat Ahmadiyah yang diterima oleh Haji Daud adalah seperti berikut:



Carta Salsilah Tariqat Ahmadiyah Di Bukit Akal

Tetapi penulis mendapati adanya fakta-fakta yang bertentangan dengan keterangan di atas. Terdapat maklumat yang mengatakan

⁸ Haji Mansor ialah anak Haji Muhammad Said b. Jamaluddin al Linggi yang belajar di Mekah, Ibid. hlm. 164.

⁹ Ibid. hlm. 165.

Bukawa sebenarnya Haji Daud menerima tariqat tersebut daripada Sidi Azahari yang datang ke Malaysia pada tahun 1917 M. Penulis telah menemui seorang ikhwan Tariqat Ahmadiyah yang berguru dengan Haji Daud iaitu Ustaz Mustapha b. Muhammad al Jiasi.¹⁰ Beliau mendakwa bahawa gurunya itu menerima Tariqat Ahmadiyah dari Sidi Azahari. Terdapat bultz lain terhadap kenyataan ini, di mana Tariqat Ahmadiyah kumpulan Bukit Abal sering mengadakan majlis haul untuk Sidi Azahari.

Haul bermaksud suatu majlis zikir yang besar bagi ikhwan Tariqat Ahmadiyah bagi memperingati perjalanan hidup yang penting dan istimewa tokoh-tokoh tariqat itu. Haul ini diadakan pada tarikh kematian tokoh-tokoh pengasas Tariqat Ahmadiyah.^{II} Tetapi bagi ikhwan Bukit Abal, mereka juga mengadakan majlis haul bagi Sidi Azahari kerana beliau dianggap sebagai guru kepada Haji Daud. Selepas kematian Haji Daud, majlis haul juga diadakan untuknya pada tarikh I Safar.^{I2}

Bagi ikhwan Bukit Abal, majlis haul bukanlah suatu majlis yang diadakan secara besar. Mereka hanya menyambutnya secara sederhana sahaja. Misalnya, ikhwan yang hadir tidaklah ramai malahan

^{IO} Temuramah penulis dengan beliau diadakan di rumahnya di Jalan Raja Dewa pada 30 Ogos 1989. Beliau ialah pengarang buku "Mengenal Diri Dan Wali Allah". Beliau menjadi murid Haji Daud semenjak tahun 1966.

^{II} Cenderamata: Memperingati tokoh ulama'-ulama' silam yang ke V, Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM, Mac, 1980.

^{I2} Temuramah dengan Ustaz Muhammad Ridha Haji Daud pada 29 Ogos 1989.

ia sama sahaja jumlahnya dengan majlis zikir yang lain. Mereka juga tidak menyediakan jamuan secara besar-besaran dengan menyembelih lembu atau kambing dan mereka tidak mendirikan khemah untuk menampung ikhwan Tariqat Ahmadiyah yang lain. Majlis sederhana ini biasanya akan berlangsung selama satu setengah jam hingga dua jam lamanya. Ia diadakan selepas sembahyang maghrib dan berakhir dengan sembahyang isya' berjamaah. Biasanya sheikh mereka sendiri yang akan memimpin majlis tersebut di mana ianya bermula dengan sheikh bercerita tentang perjalanan Tariqat Ahmadiyah sambil menekankan kepada kisah orang yang diadakan majlis tersebut. Umpamanya kisah tentang Sidi Ahmad b. Idris ditekankan apabila majlis haul yang diadakan itu adalah untuk beliau. Selepas itu, majlis zikir akan berlangsung seperti majlis-majlis zikir yang lain. Walau pun majlis zikir ini dibuat secara sederhana, namun ia amat penting dalam gerakan kumpulan Tariqat Ahmadiyah.¹³

Pada pendapat penulis, perselisihan fakta mengenai siapakah guru Tariqat Ahmadiyah bagi Haji Daud yang sebenarnya hanyalah dari segi teori sahaja. Penulis menyimpulkan bahawa Haji Daud pernah mempelajari Tariqat Ahmadiyah daripada Tok Shafie ketika beliau berada di Mekah. Apabila kembali ke Kelantan, beliau mempelajari Tariqat Ahmadiyah dan menerimanya sekali lagi daripada Sidi

¹³ Wawancara penulis dengan Ustaz Muhammad Ridha b. Haji Daud pada 29 Ogos 1989. Penulis juga turut mewawancara Imam Haji Muhammad b. Yusuf di Kampung Bukit Abal pada hari yang sama.

Arahari. Oleh itu kenyataan bahawa kedua-duanya adalah guru kepada Haji Daud adalah benar.

Haji Daud kembali ke Kelantan setelah lapan tahun berada di sana. Kepulangannya bersama hasrat untuk mengembalikan kegembiran pondok yang dibuka oleh Haji Wan Ahmad di Bukit Abal. Pondok tersebut terbiar setelah Haji Wan Abdullah iaitu sepupu Haji Daud meninggalkan negeri Kelantan ke India. Pondok tersebut hidup kembali dan berkembang sehingga tahun 1941 di mana Perang Dunia Kedua meletus. Haji Daud bersama Imam Haji Muhammad b. Yusuf telah pergi ke Kusial, Ipoh, Kelantan.¹⁴ Tetapi pada tahun 1943 beliau kembali semula ke Pasir Puteh dan tinggal di Padang Pak Amat sambil mengajar penduduk kampung berkenaan.

Pada tahun 1945 beliau kembali ke Bukit Abal dan membuka sebuah sekolah Arab dengan menukaranya dari pendidikan secara pondok kepada sistem persekolahan. Sekolah tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai tetapi kemudiannya terpaksa ditutup pada tahun 1953 kerana masalah kewangan. Kemudian sekali lagi Haji Daud meninggalkan Bukit Abal dan kembali semula pada tahun 1965 untuk mengajar orang ramai tentang ilmu agama, tasyauf dan ajaran Tariqat Ahmadiyah.¹⁵ Pada awal-awal tahun pertama, sam-

¹⁴ Wawancara antara penulis dengan Imam Haji Muhammad b. Yusuf di rumah beliau pada 29 Ogos 1989 di Bukit Abal.

¹⁵ Wawancara penulis dengan Ustaz Muhammad Ridha b. Haji Daud pada 29 Ogos 1989.

butan dari masyarakat tempater kurang menggalakkan. Mengikut kata Ustaz Mustapha b. Muhammad al Jiasi lagi, beliau pernah belajar seorang sama seorang dengan Haji Daud. Peristiwa itu berlaku pada tahun 1967.¹⁶ Namun begitu bermula tahun 1968, orang ramai mu-
la mengunjunginya termasuk juga dari negeri Perak, Johor dan lain
lain.¹⁷

Pada mulanya beliau mengajar di surau, tetapi dengan per-
tambahan murid yang datang untuk belajar, beliau terpaksa mendiri
kan sesebuah masjid. Di masjid inilah, Haji Daud mengajar ^{buku}
Minhaj al ^cAbidin karangan Imam Ghazali yang diterjemah ke dalam
Bahasa Melayu. Beliau juga mengajar Sharah Kitab Hikam dalam Bah-
sa Melayu. Di samping itu beliau telah menghasilkan Siri Risalah
Tasauf yang dikatakan adalah hasil daripada pengajarannya di mas-
jid pada setiap pagi Jumaat.¹⁸ Serentak dengan mengajar pelajaran
agama, tasauf dan tariqat, beliau juga mengamalkan zikir Tariqat
Ahmadiyah dan mengajak orang ramai beribadat kepada Allah. Seba-
gaimana tradisi pengamal Tariqat Ahmadiyah, beliau juga mengada-
kan majlis zikir pada setiap malam Jumaat. Zikir yang dibuat se-

¹⁶ Penulis mewawancara beliau pada 30 Ogos 1989.

¹⁷ Maklumat ini adalah hasil wawancara penulis dengan Ustaz Muhammad Ridha Haji Daud.

¹⁸ Wawancara penulis dengan Haji Sa'ari Hussein pada 25 Oktober 1989. Beliau pernah mengikuti pembelajaran dengan Haji Da ud dan menyertai majlis zikir yang diadakan.

lepas sembahyang maghrib ini tidak hanya disertai oleh penghuni pondok tersebut sahaja, malahan juga disertai oleh orang luar dari seluruh negeri Kelantan yang berminat terhadap ajaran ini. Mereka terdiri dari berbagai golongan termasuk pegawai-pegawai kerajaan, orang-orang yang berpelajaran agama dan sebagainya.¹⁹

Haji Daud mempunyai pandangan tersendiri dalam beberapa perkara. Pada suatu ketika timbul kegemparan di kalangan anak muridnya di mana Haji Daud mengemukakan pandangannya mengenai mata dalam. Oleh kerana tidak pernah mendengar tentang perkata tersebut, orang ramai mula menjadi keliru. Bagi beliau dalil-dalil yang dapat disaksikan dengan pancaindera tidak cukup untuk membuktikan adanya Allah, bahkan ia mesti disempurnakan dengan pandangan mata dalam.²⁰ Pada tahun-tahun 1970-an beliau sekali lagi menggemparkan negeri Kelantan bila beliau dan murid-muridnya yang setia telah berpuasa dan menyambut Hari Raya dengan perkiraan hisab, bukannya ru'yah. Hasilnya beliau dan pengikutnya berpuasa dan berhari raya pada hari-hari yang berlainan dengan hari-hari yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan. Pada tahun 1975, masalah tersebut dibicarakan di Mahkamah Syariat, tetapi tidak sempat diselesaikan dengan kematian beliau pada I Safar.²¹

¹⁹ Wawancara penulis dengan Ustaz Mustapha b. Muhammad al Jiasi pada 30 Ogos 1989.

²⁰ Hamdan Hassan, op. cit, hlm. 175-176. Dan lihat juga Siri Risalah Tasauf, karangan Haji b. Haji Omar al Labadi, t.p., t.k., t.th. hlm.

²¹ Ibid.

Menurut anaknya, Muarrad Ridha, satu jawatankuasa telah ditubuhkan bagi menyusun segala ajaran dan ucapan sheikh tariqat itu. Ia dikenali sebagai Jamaah Pengurus Ikhwan Tariqat Ahmadiyah di situ. Pada masa itu beliau baru saja berusia tiga puluh tahun dan sehingga sekarang masih lagi menjadi pemimpin tariqat di Buitkit Abal. Menurut beliau lagi, pengikut Tariqat Ahmadiyah semakin bertambah dan dianggarkan orang yang hadir pada setiap malam Jumat ialah seramai 200 hingga 300 orang. Cara dan bentuk zikir yang diperkenalkan oleh bapa beliau masih diteruskan lagi, begitu juga dengan segala amalan yang lain. Umpamanya, menyambut maulid ar rasul di mana ikhwan Tariqat Ahmadiyah di situ sering menyambutnya dengan berzanji, berselawat dan diakhiri dengan berzikir.²²

Muhammad Ridha menceritakan bahawa Tariqat Ahmadiyah yang diamalkan oleh bapanya tidak menghasilkan juzbah seperti yang diperolehi oleh sebahagian pengamal Tariqat Ahmadiyah yang lain. Padanya pendapat beliau, juzbah hanya akan memudahkan seseorang itu dipandaya oleh makhluk halus. Walaubagaimana pun beliau tidak menafikan bahawa juzbah boleh memendekkan perjalanan salik untuk sampai ke matlamatnya.²³

²² Hasil temuramah penulis dengan Muhammad Ridha b. Haji Said pada 29 Ogos 1989.

²³ Lihat Lampiran C, iaitu jawapan Haji Wan Ahmad b. Muhammad Zain al Patani kepada surat Raja Kelantan, Sultan Muhammad mengenai ajaran yang dibawa oleh Haji Muhammad Said al Linggi berkenaan dengan juzbah.

Terdapat beberapa ikhwan Tariqat Ahmadiyah di Bukit Abal yang dikatakan dapat mencapai kedudukan yang tinggi dalam martabat kerohanian. Pencapaian tersebut adalah berlandaskan ajaran tariqat serta kebolehan dan hemat masing-masing. Menurut Muhammad Ridha, terdapat tiga orang yang dapat mencapai martabat tersebut. Mereka ialah Haji Salleh yang berasal dari Besut, Trengganu, Ku Mat dari Bukit Abal dan Haji Salleh dari Perak.²⁴ Namun begitu penulis tidak dapat memastikan sejauh manakah kebenaran dakwaan itu kerana dua daripada mereka telah meninggal dunia iaitu Ku Mat dan Haji ~~Salleh dari~~ Perak, sementara seorang lagi tidak dapat dihubungi. Tetapi penulis membuat tanggapan bahawa mereka mungkin berjaya membentuk peribadi selaras dengan kehendak Islam dan mampu berakhhlak dengan akhhlak Nabi Muhammad s.a.w.

Dari aspek penyebarannya, Ustaz Mustapha b. Muhammad al Jiasi menerangkan bahawa terdapat beberapa orang murid Haji Daud yang membuka majlis zikir di tempat masing-masing. Mereka adalah Sheikh Hassan dari Kampung Machang, Pak Ngah Awang dari Kampung Pek, Batu 30, Haji Awang Radang dari Kampung Koiam dan Muhammad Yamin dari Ketereh. Menurut beliau lagi, kesemua mereka yang memka majlis zikir di tempat masing-masing itu tidak memperolehi keizinan atau ijazah daripada Haji Daud. Pada pendapat penulis, keadaan ini menjasarkan pertalian salsilah antara guru-guru yang

²⁴ Wawancara penulis dengan beliau berlangsung pada 29 Ogos 1989 di rumahnya di Bukit Abal.

terdahulu kerana penyambungan salsilah penting untuk memastikan adanya pertalian kerohanian di antara sheikh-sheikh tariqat hingga kepada Rasulullah s.a.w.

Sebagai hasil daripada lapuran dan huraian di atas, dapatlah penulis membuat kesimpulan seperti berikut:

- i. Haji Daud b. Haji Omar al Labadi ialah orang yang bertanggungjawab mengembangkan Tariqat Ahmadiyah di Pasir Puteh. Beliau menerima tariqat tersebut daripada Tok Shafie di Mekah dan menerimanya sekali lagi daripada Sidi Azahari di Kelantan.
- ii. Tariqat Ahmadiyah ini mendapat sambutan dan tersebar ke merata tempat termasuk negeri Perak, Melaka, Johor dan lain-lain. Empat orang anak murid Haji Daud telah membuka majlis zikir di tempat masing-masing. Mereka ialah Sheikh Hassan di Machang, Pak Ngah Awang di Kampung Pek, Haji Awang Padang di Kampung Kolam dan Muhammad Yamin di Ketereh.

2) Amalan-amalan utama Tariqat Ahmadiyah

I. Zikir

Usaha-usaha pembersihan hati dalam amalan tasauf dan tariqat pasti dihubungkan dengan zikir. Bahkan ia di anggap sebagai pusat kegiatan tariqat kerana ia memberi kesan yang besar di dalam mendidik jiwa dan hati umat Islam kearah pendekatan diri kepada

da Allah. Zikrullah bermaksud "menyebut asma' Allah dan mengingatinya dengan apa-apa perbuatan mengikut perasaan kerinduan dan adab-adabnya." ²⁵ Maksud menyebut Allah di sini seperti mengatakan الله حىٰ، سلطان الله، لا إله إلا الله dan sebagainya secara berulang-ulang.

Namun begitu Ata' berpendapat bahawa setiap majlis yang memperkatakan soal hukum hakam Islam dinamakan Majlis Zikir kerana ia mengingatkan orang ramai dari kelalaian kepada kesedaran dan mendampingkan diri mereka kepada Allah secara ma^cnawi. ²⁶ Konsep zikir secara berulang-ulang memang terdapat di dalam ayat-ayat al Quran dan hadis-hadis Nabi seperti firman Allah yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman berzikirlah dengan menyebut nama Allah dengan banyak." ²⁷

Nyatalah bahawa konsep zikir adalah sama sahaja walau pun dari aspek bentuk dan peraturan nampak berbeza. Setenarnya ia hanya hasil rekaan seseorang sheikh, baik dari segi cara maupun disiplin zikir itu sendiri. ²⁸ Tariqat Ahmadiyah memperkenal berbagai

²⁵ Ahmad b. Muhammad Said, al Qawl al Wafi, Jawi Press, Singapore, 1939. hlm. 5.

²⁶ Haji Said Haji Ibrahim, al Azhar wa al Aurad wa Ad^ciyyah al Ma'thurah, Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan, 1986. hlm. 3.

²⁷ Surah al Ahzab, 33:14.

²⁸ Hamdan Hassan, op. cit, hlm. 229.

gai bentuk dan jenis zikir seperti tahlil, tasbih, tahmid dan takbir. Terdapat tiga bentuk zikir asas yang dipelopori oleh Sidi Ahmad b. Idris iaitu tahlil, selawat azamiyah dan istighfar kabir.²⁹ Mengikut kitab al Maathir, Sidi Ahmad sering memperkatakan kelebihan tahlil Tariqat Ahmadiyah sebagai:

نَلِهِ إِلَّا لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ

"Jika seorang hamba mengucap سُلْطَانُ الْعَالَمِ ini sejak dari Nabi Adam a.s. hingga ditiup sangkakala, manakala seorang hamba lain mengucapkan tahlil ini sebanyak tiga kali, malah pada satu riwayat sekali sahaja, nescaya terlebih besar pahala yang membaca tahlil ini." ³⁰

Penulis merasa tidak harus dinafikan kenyataan tersebut kerana penafian akan membawa kepada sikap menyempitkan rahmat Allah sedangkan Ianya maha pemurah. Tambahan pula Allah bebas untuk mengadakan apa sahaja yang dikehendakiNya. Umpamanya, wirid dan zikir yang diterima daripada Rasulullah mempunyai pahala yang besar sedangkan lafaznya adalah sedikit. Allah berfirman yang bermaksud:

"Itu adalah kelebihan daripada Allah, serahkanlah sahaja perkara itu kepada Allah." ³¹

Tahlil tersebut juga dikatakan mempunyai kelebihan yang besar kerana apabila seseorang itu membacanya sekali sahaja dalam sehari semalam, ia dikira sebagai orang yang berzikir sepanjang

²⁹ Lihat Lampiran D.

³⁰ al Maathir, op. cit, hlm. 46.

³¹ Surah al Nisa', 4:69.

masa. Oleh yang demikian dia akan dianggap dari golongan al zaki-rin dan al zakirat Allah.³² Kelebihan ini menunjukkan bahawa mereka termasuk dalam golongan yang disebut oleh Allah dalam firman-Nya yang bermaksud:

"Ingatlah kamu kepada Aku, nescaya Aku akan mengingatimu."³³

Mengikut keterangan Imam al Solah, bahawa tahlil ini mempunyai pahala yang paling besar martabatnya dan merupakan zikir yang paling tinggi serta boleh memberi pertolongan kepada sesiapa saja yang mengamalkannya.³⁴

Sidi Muhammad b. Ahmad al Dandarawi menjelaskan kelebihan selawat azamiyah dengan berkata : "Hendaklah kamu lancarkan selawat yang mulia ini seperti lancarnya kamu membaca al Fatihah, kerana orang yang menghafaz selawat ini apabila mati ia diluaskan kuburnya seluas antara langit dan bumi, dibentangkan padanya berberapa hamparan syurga dan diterangkan kuburnya hingga hari kiamat." ³⁵ Selawat ini juga dikatakan dapat menolong meninggikan taraf orang-orang berdosa yang meninggal dunia dengan memindahnya ke

³² al Maathir, op. cit, hlm. 47.

³³ Surah al Baqarah, 2:152.

³⁴ Imam al Nawawi, Kitab al Azkar, Syarikat Maktabat wa Matba ah wa Mustapha al Babi al Halbi wa Auladiah, Kaherah, 1955. hlm. 18.

³⁵ al Ahzab, op. cit, hlm. 16.

tempat yang lebih tinggi.³⁶

Sidi Muhammad Tahir berkata bahawa ahli kashaf menceritakan kepada beliau bahawa selawai azamiyah mempunyai pahala yang bertenungan samada semasa di dunia maupun di akhirat kelak. Sekiranya pengamal selawat ini memasuki syurga, maka pahalanya berganda tanpa berkesudahan.³⁷ sebenarnya terdapat banyak lagi keterangan mengenai kelebihan selawat ini, tetapi penulis hanya menulis sebahagiannya sahaja.³⁸

Satu lagi zikir asas yang diterima oleh Sidi Ahmad daripada Rasulullah s.a.w. ialah istighfar kabir. Istighfar kabir ialah suatu nama yang diberi kepada sebuah istighfar yang mempunyai pahala yang amat besar dan menghimpunkan segala makna dan pahala istighfar yang lain.³⁹

Mengikut ikhwan Bukit Abal, terdapat beberapa lagi zikir tambahan yang perlu diamal setiap hari oleh mereka. Haji Daud telah menamakan wirid tersebut sebagai Wirid 700. Ia mengandungi tujuh bentuk wirid dan setiap wirid itu dibaca sebanyak 100 kali.

³⁶ Sidi Bahauddin al Bithar, al Nafakhat al Aqdasiyah, t.p, t. c, t. th. hlm. 20

³⁷ Ibid.

³⁸ Untuk keterangan lanjut, sila lihat al Maathir dan al Nafakhat al Aqdasiyah. hlm. 20.

³⁹ al Maathir, Ibid. hlm. 56.

pabila keseluruhan wirid tersebut di campur, maka kesemuanya berjumlah 700. Wirid 700 itu ialah seperti berikut:⁴⁰

- i. سبطان الله .
- ii. الحمد لله .
- iii. لا إله إلا الله .
- iv. الله أكابر.
- v. سبطان الله والحمد لله ولا إله إلا الله هؤن الله أكابر.
- vi. اللهم صلی علی سیدنا محمد وبارک علی سیدنا محمد
وعلیه السلام في كل لمحۃ ونفس عدما وسعه علم الله .
- vii. لا إله إلا الله محمد رسول الله في كل لمحۃ ونفس
عدما وسعه علم الله .

Seorang guru Tariqat Ahmadiyah selalunya menyediakan tempat khusus untuk berzikir bersama pengikutnya. Cara ini dilaksanakan oleh Haji Daud dengan menyediakan sebuah surau untuk berzikir. Tetapi kemudianya beliau membina sebuah masjid bagi menampung keperluan tersebut. selalunya majlis zikir akan dibuat pada setiap malam Jumaat selepas sembahyang maghrib. Ikhwan tariqat ini akan mengambil tempat masing-masing dalam satu bulatan yang dipanggil halawah.⁴¹ Sheikh tariqat yang akan mengendalikan majlis tersebut me-

⁴⁰ Haji Daud b. Haji Omar al Labadi, Risalah al Aqaid wa al Faraid, t.p, t.k, t.th, hlm. 104. Wirid-wirid ini diceritakan oleh Ustadz Mustapha b. Muhammad al Jiasi pada 30 Ogos 1989.

⁴¹ Sidi Sheikh Soleh al Ja'afari, Kanz al Sa'adah, Dar Jawa*nī* al Kalam, Kaherah, t.th. hlm. 51.

ngambil tempatnya di tengah-tengah dan di kiri kanannya adalah ikhwan paling kanan. Cara duduk mereka ialah seperti duduk di antara dua sujud ketika bersembahyang.

Majlis zikir Tariqat Ahmadiyah biasanya menggunakan suara yang tinggi dan kuat. Cara ini juga dikenali sebagai zikir jali. Zikir jali ini bertujuan untuk menghilangkan rasa mengantuk orang yang berzikir atau juga bagi melenyapkan ingatan kepada keduniaan buat seketika. Mereka juga berpendapat sekiranya mereka berzikir dengan suara perlahan, kesannya terhadap jiwa agak kurang. Semasa berzikir, sheikh tariqat yang diiringi oleh beberapa ikhwan kanan akan mengalun nasyid-nasyid yang berbentuk gasidah. Nasyid tersebut memuji kebesaran Allah Ta³ala, kemuliaan Rasulullah dan bercerita tentang pengasas tariqat itu.⁴² Biasanya satu majlis zikir akan dimulai dengan al Fatihah al Aurad⁴³ dan diikuti dengan bacaan Fatihah kepada Rasulullah dan pengasas serta sheikh tariqat itu. Ia diakhiri dengan bacaan tahlil dan lafaz لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، اكْبَرٌ serta bacaan doa oleh sheikh yang memimpin majlis zikir itu.

Kelansungan zikir amat penting kepada ikhwan Tariqat Ahmadi

⁴² Wawancara penulis dengan Haji Sa'ari Husseih pada 25 Oktober 1989.

⁴³ Lihat Lampiran E.

yah. Mereka dituntut supaya sentiasa berzikir walau di mana sahaja mereka berada. Zikir qalbi atau zikir sirr sering juga diamalkan oleh pengikut Tariqat Ahmadiyah. Di samping itu ada beberapa zikir yang perlu dilakukan secara tetap supaya mereka dapat merasa peningkatan di dalam amalan itu. Namun begitu bagi ikhwan Bukit Abal mereka tidak digalakkan untuk berkhalwat. Tetapi Haji Daud tetap melakukannya secara individu.⁴⁴

Selain dari tahlil, selawat azamiyah dan istighfar kabir yang disebut oleh penulis di atas terdapat banyak lagi zikir-zikir yang diamal oleh ikhwan tariqat ini. Antara zikir-zikir itu ialah al Mahamid al Thamaniyah, al Ahzab, al Selawat al Arba'at^c Ashar, al Mabsut al Mani^c at⁴⁵ dan amalan dua wazifah iaitu wazifah pagi dan wazifah petang.⁴⁶ Ustaz Mustapha b. Muhammad al Jiasi memberi hu bahawa Haji Daud juga pernah menerima satu zikir yang dikenali sebagai Muthabbat al Azahariyah daripada Sidi Azahari.⁴⁷

Dari pada keterangan-keterangan di atas, dapatlah penulis me

⁴⁴ Hamdan Hassan, op. cit. hlm. I74.

⁴⁵ Sheikh Soleh al Ja'afari, Aurad Sidi Ahmad b. Idris r.a. Dar Jawami^c al Kalam, Kaherah, I40I H. hlm. 6- I88.

⁴⁶ Amalan dua wazifah ialah amalan yang dilakukan di waktu pagi dan petang oleh pengamal Tariqat Ahmadiyah. Sila lihat Risalah al Qawa'id Dan Risalah al Asas, karangan Abdul Halim Ahmad, Cetakan Bahagian Percetakan, Ibu Pejabat Trengkas Kebangsaan institut, Seremban, I982.

⁴⁷ Lihat Lampiran F.

nyimpulkan seperti berikut:

- i. Zikir adalah ajaran utama bagi Tariqat Ahmadiyah di mana Tariqat Ahmadiyah mempunyai tiga zikir asas iaitu tahlil, selawat azamiyah dan istighfar kabir. Walaubagaimana pun ia mempunyai berbagai zikir-zikir yang lain.
- ii. Pengamal Tariqat Ahmadiyah harus menghadiri majlis zikir di mana zikirnya berbentuk zikir jali, Zikir qalbi atau zikir sirr perlu diamalkan bagi kelangsungan zikir mereka.
- iii. Amalan dalam Tariqat Ahmadiyah mudah dan senang diamalkan oleh semua golongan masyarakat. Ia tidak mewajibkan khalwat dan amalan puasa secara berterusan. Zikirnya boleh dilakukan di mana sahaja.

2. Syarat-syarat Talqin

Seseorang yang ingin menjadi anggota keluarga Ahmadiyah, mestilah terlebih dahulu menjalani beberapa proses yang dipanggil Talqin. Proses tersebut dilakukan oleh seorang sheikh Tariqat Ahmadiyah yang murshid iaitu yang memiliki ijazah dari guru atau sheikh nya. Ijazah ini selalunya berupa pemberian serban, buah tasbih, ⁴⁸ hadiah risalah, bersalaman dengan sheikh dan sebagainya.

Di dalam Tariqat Ahmadiyah, terdapat berbagai cara untuk

⁴⁸ Lihat al Maathir, op. cit. hlm. 18. Dan lihat juga Hamdan Hassan, op. cit. hlm. 176.

mentalqin murid baru. Begitu juga dengan kumpulan Bukit Abal yang mempunyai cara tersendiri bagi tujuan tersebut. Upacara mentalqin murid baru dimulai dengan duduk mengadap kiblat, dan cara duduknya ialah seperti duduk di antara dua sujud orang yang sedang sembahyang.⁴⁹ Kemudian sheikh dan murid tadi bersalaman sambil membaca:

اعوذ بالله من الشيطان الرجيم ، بسم الله الرحمن الرحيم .

Bacaan itu diikuti oleh murid dan selanjutnya, setiap bacaan sheikh akan diikuti oleh murid yang hendak ditalqinkan. Kemudian sheikh membaca selawat Sidi Ahmad b. Idris sebanyak sekali iaitu:

اللهم صلی وسلّم وبارك علی مولانا محمد وعلی الله فی كل لمحه
ونفس عددها وسده علم الله .

Selepas itu sheikh akan membaca al Fatiyah al Aurad sebanyak sekali:

اللهم انى اقدم اليك بين يدي كل نفس ولمحه وظرفة يطرف بها
اهل السعادات واهل الارض وكل شيء هو في علمك كائن او قد
كان اقدم اليك بين يدي ذلك كله .

diikuti dengan istighfar sebanyak tiga kali:

استغفر لله العظيم الذى لا اله هو الحق القيوم واتوب

⁴⁹ Sheikh Soleh b. Muhammad al Ja'afari, Mafatih Kunuz al Samawati wa al Ardh al Makhzunah, Matba'ah al Sa'adah, Mesir, Cetakan Kedua, 1971. hlm. 13. Selanjutnya disebut Mafatih.

mentalqin murid baru. Begitu juga dengan kumpulan Bukit Abal yang mempunyai cara tersendiri bagi tujuan tersebut. Upacara mentalqin murid baru dimulai dengan duduk mengadap kiblat, dan cara duduknya ialah seperti duduk di antara dua sujud orang yang sedang sembahyang.⁴⁹ Kemudian sheikh dan murid tadi bersalaman sambil membaca:

اعوذ بالله من الشيطان الرجيم، بسم الله الرحمن الرحيم .

Bacaan itu diikuti oleh murid dan selanjutnya, setiap bacaan sheikh akan diikuti oleh murid yang hendak ditalqinkan. Kemudian sheikh membaca selawat Sidi Ahmad b. Idris sebanyak sekali iaitu:

اللهم صلي وسلم وبارك على مولانا محمد وعلى الله في كل لمحه
ونفس عددها وسعه علم الله .

Selepas itu sheikh akan membaca al Fatiyah al Aurad sebanyak sekali:

اللهم اني اقدم اليك بين يدي كل نفس ولمحه وظرف يطرف بها
اهل السمات واهل الارض وكل شيء هو في علمك كائن او قد
كان اقدم اليك بين يدي ذلك كله .

diikuti dengan istighfar sebanyak tiga kali:

استغفر لله العظيم الذي لا اله هو الحق القيوم واتوب

⁴⁹ Sheikh Soleh b. Muhammad al Ja'afari, Mafatih Kunuz al Samawati wa al Ardh al Makhzunah, Matba'ah al Sa'adah, Mesir, Cetakan Kedua, 1971. hlm. 13. Selanjutnya disebut Mafatih.

Kemudian murid disuruh pula membaca Wirid 700 sebagaimana yang pernah diterangkan oleh penulis sebelum ini.⁵⁰ Apabila selesai, sheikh akan membaca:⁵¹

رضيت يا سيدى احمد بن ادريس شيخا لى وقد دخلت فى طريقة
وعرضه على قراءة اوراده ان شاء الله تعالى .

Kemudian murid itu tadi disuruh bertaubat nasuha dan berjanji tidak akan melakukan perkara yang ditegah oleh Allah. Selepas itu menambah dengan membaca suatu ucapan Sidi Ahmad yang pernah disampaikan kepada muridnya:⁵²

اميك بوصية الله تعالى لنا وللذين من قبلنا الا وهي التقوى .

Akhirnya sheikh akan membaca nasihat yang pernah disampaikan oleh Sheikh Soleh kepada muridnya:⁵³

يا اخان فى الله تعالى تجمعنا الطاعة وتفرق بيننا المعصية

⁵⁰ al Labadi, al Qawa'id wa al Fawa'id, op. cit, hlm. 99.

⁵¹ al Ja'afari, Mafatih, op. cit, hlm. 13.

⁵² Ibid.

⁵³ Ibid.

فعليك بطاعة الله تعالى والحضر الحذر من معصية الله تعالى .
وعليك بطلب العلم فإنه نعم المطلبة المؤولة الى المقصود وعليك
بالاكثر من ذكر الله تعالى فانه نعم الورد المورود، وعليك بتلاوة
القراءن فانه كلام ربك وشفاء قلبك، واعلم ان طريقنا هذا مبني
على الكتاب والسنة وفقه المذاهب الاربعة وعقيدة الاشعرى في
التوحيد، وابى القاسم الجندى فى التموف رضى الله عنهم اجمعين.

Bagi setengah sheikh, mereka memasukkan syarat mandi untuk menyempurnakan talqin tersebut, sebagaimana yang dilakukan oleh Haji Daud. Cara mandinya seperti mandi sunat untuk sembahyang Juma at. Kemudian mereka disuruh menunaikan sembahyang sunat dua rakaat serta menghadiahkan pahala tersebut pada Rasulullah. Selepas itu mereka dikehendaki membaca zikir sebanyak 1000 kali iaitu :⁵⁴

- يا كريم
- يا رحيم
- اللهم صلى وسلم وبارك على مولانا محمد وعلى الله في كل لحظة ونفس عددهما وسعه علم الله .

Seterusnya murid itu disuruh membaca doa dan berniat iaitu:⁵⁵

اللهم اني نويت الدخول في طريق سيدى احمد بن ادريس رضى الله عنه وعزمت على تلاوة اوراد طريقة، اللهم يسر لي ذلك واعنى عليه، فانه لا يسره لي ولا يعينني عليه الا انت ولا حول ولا قوه الا بالله العلي العظيم، وما توفيقى الا بالله عليه توكلت واليه

⁵⁴ al Labadi, Qawa'id wa al Fawaid, op. cit, hlm. 109.

⁵⁵ al Ja'afari, op. cit, hlm. 14.

انیب وصلی اللہ علی مولانا محمد وعلی الہ فی کل لمحۃ ونفس
عددما وسعت علم اللہ .

Dan disudahi dengan bacaan kaffarah majlis sebanyak sekali iaitu:⁵⁶

سبحانک اللهم وبحمدک اشهد ان لا اله الا انت استغفرک واتوب
الیک علمت سوا و ظلمت نفس فاغفرلی فانه لا یغفر الذنوب الا انت

Terdapat satu lagi cara mentalqin murid-murid baru iaitu se cara beramai-ramai. Cara ini meletakkan syarat yang lebih longgar dan kurang sempurna. Misalnya, mereka boleh menghadiri suatu majlis zikir yang dipimpin oleh sheikh tariqat. Apabila sheikh itu membaca tahsil dan zikir maka mereka pun mengikutinya serta berniat untuk menjadi ikhwan Tariqat Ahmadiyah. Cara ini sering dilakukan ketika diadakan majlis haul.⁵⁷

Kesimpulan yang dapat penulis buat berdasarkan kenyataan di atas ialah:

i. Talqin diperlukan untuk pengiktirafan seorang murid baru yang berminat menjadi ahli Tariqat Ahmadiyah.

ii. Terdapat dua cara talqin iaitu:

a. Dilakukan secara individu iaitu di antara seorang

⁵⁶ Ibid. hlm. I4.

⁵⁷ Kenyataan ini adalah hasil dari observasi yang dilakukan oleh penulis terhadap objek penelitian.

murid dengan sheikh. Cara ini merupakan cara yang lebih sempurna.

b. Dilakukan secara ramai di dalam majlis-majlis zikir.

Cara ini lebih longgar dan kurang sempurna.

3. Adab dalam Tariqat Ahmadiyah

Adab selalunya meliputi beberapa aspek seperti adab di dalam ibadat, adab mu'amalat, adab pembersihan jiwa, adab berdakwah dengan bijaksana, adab menuntut ilmu dan lain-lain. Adab di dalam tariqat ialah menjaga hak Allah dengan melihat kepada kebesaranNya sehingga seseorang itu dapat menghampiriNya.⁵⁸ Adab amat penting bagi seseorang salik dan mereka mesti menjaganya supaya sentiasa berada di dalam keredhaan dan kasih sayang Allah Ta'ala.

Hampir kesemua tariqat yang ada mempunyai adab-adab yang sama. Selalunya, ia menekankan adab-adab salik terhadap Penciptanya, di samping adab-adab murid dengan guru dan adab guru kepada murid. Mengikut Abu ^cAzaim, terdapat banyak adab-adab yang perlu dilaksanakan oleh seorang murid kepada gurunya. Antaranya ialah, seorang murid mesti mengasihi gurunya, sanggup berkhidmat kepada -nya, menjalankan perintah dan mejauhi larangannya tanpa banyak soal. Mereka dilarang mengguna sejadah, bantal dan baju gurunya, begitu juga mereka ditegah makan sehidangan dengan gurunya melainkan

⁵⁸ Syed Izzuddin Madhi Abu ^cAzaim, Dustur al Salikin Tariq Rab al Alamin, t.p, 1973. hlm. 4I.

mendapat keizinannya.⁵⁹ Sementara sheikh Soleh menyebutkan bahawa di antara adab tariqat ialah seorang murid tidak boleh bercerita tentang mimpiinya kepada orang lain kecuali gurunya. Seseorang murid juga tidak boleh melebihkan diri sesama mereka kecuali jika dibenarkan oleh gurunya, dan guru yang dibenarkan berbuat demikian hanyalah guru yang carif sahaja.⁶⁰

Penulis merasa bahawa adab-adab seperti milarang murid makan sehidangan dengan guru adalah keterlaluan dan tidak bersesuaian dengan suasana pembelajaran Islam. Apabila merujuk kepada sejarah Rasulullah, didapati bahawa baginda tidak pernah membezakan keduakan dirinya dengan para sahabat. Kitab Fath wa Fa'idh wa Fadhl Min Allah menyebut bahawa seseorang mesti manjaga empat perkara:⁶¹

- i. Ikhlas, di mana Sheikh Nawawi berkata bahawa tujuan beramal ini adalah untuk mendekati Allah. Oleh itu murid mestilah menyaksikan keesaan Allah dengan hati ikhlas.
- ii. Percakapan dan perbuatan murid mestilah berdasarkan shari'at yang diwahyukan kepada Rasulullah kerana Allah tidak menerima semua perbuatan dan percakapan yang menyeleweng dari landasan yang benar..

⁵⁹ Ibid. hlm. 39-40.

⁶⁰ al Ja'afari, Kanz al Sa'adah, op. cit. hlm. 29-30.

⁶¹ Sheikh Soleh b. Muhammad al Ja'afari, Fath wa Fa'idh wa Fadhl Min Allah, Dar Jawami' al Kalam, Mesir, 1971. hlm. I28-I29.

- iii. Seseorang murid mestilah menjauhkan diri mereka dari merasa kagum atau ujub dengan amalan-amalan yang dibuatnya. Sebaliknya hendaklah mereka menshukuri ni^cmat Allah.
- iv. Janganlah seorang murid merasakan dirinya lebih baik daripada orang lain, sebaliknya hendaklah mereka merendahkan dirinya.

Tariqat Ahmadiyah tidak meletakkan adab-adab yang ketat kepada pengikut-pengikutnya. Menurut sheikh tariqat Bukit Abal, murid-murid perlu menjaga adab ketika berhadapan dengan guru, semasa berada dalam majlis-majlis zikir dan ketika berhubungan dengan ikhwan yang lain. Adab-adab tersebut mestilah selaras dengan ajaran al Quran dan al Hadis tanpa bertentangan dengan shari^cat.

Penulis merasa adab-adab yang diletakkan dalam kumpulan tariqat ini lebih longgar dan terpulanglah kepada seseorang individu untuk melaksanakannya. Bagi sheikh tariqat ini, mereka sering bergaul mesra dengan murid-muridnya mengikut adab berguru dalam Islam. Sesorang murid mesti meyakini bahawa guru yang dipilih untuk mendidik rohaninya itu adalah orang yang paling menyerupai akhlak, sikap dan peribadi Rasulullah. Allah s.w.t. berfirman dengan mak-

sud:
62

"Sebagaimana Kami telah mengutus kepadamu Rasul di antara kamu yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu dan mensucikan kamu serta mengajarmu al Kitab dan hikmah serta mengajar kamu apa yang belum kamu ketahui."

Seseorang sheikh tariqat perlu manjaga segala tingkah laku, percakapan malah setiap aspek dirinya. Ia perlu memperlihatkan tau⁶³ ladan yang baik pada murid-muridnya kerana pada kebiasaannya, seorang guru mesti mengawal perlakuannya dengan baik. Di samping itu dia juga mesti mempunyai kesabaran, keikhlasan, ketakwaan dan berbagai lagi sifat terpuji. Pendekata seorang guru adalah qudwah hasanah yang paling hampir kepada murid-muridnya.

Apa yang dapat penulis simpulkan daripada kenyataan-kenyataan di atas adalah seperti berikut:

- i. Adab amat penting dalam kehidupan bertariqat di mana ia nerangkumi adab salik pada TuhanYa, adab murid pada gununya dan adab guru terhadap muridnya.
- ii. Adab-adab di dalam tariqat mestilah tidak melampaui batas dan mengikut garis-garis yang dibenarkan oleh Islam. Begitu juga dengan adab Tariqat Ahmadiyah yang ditetapkan oleh sheikh tariqat tersebut tidaklah bertentangan dengan adab-adab di dalam Islam.

3) Kesan dan pengaruh Tariqat Ahmadiyah terhadap masyarakat Ahli-ahli sufi telah membentuk suatu cara paling baik untuk menarik orang ramai supaya mengamalkan ajaran tariqat. Tariqat me

63 Aboebakar Atjeh, op. cit, hlm. 230 .

mang dibentuk sesuai dengan sosio budaya masyarakat yang mempunyai susun lapis yang berbeza di samping sesuai pula dengan nilai-nilai masyarakat itu sendiri.⁶⁴ Begitu juga dengan Tariqat Ahmadiyah yang berkembang di Pasir Puteh di mana ia telah dapat mempengaruhi hampir kesemua lapisan masyarakat yang ada di Kelantan. Bermula dari orang awam yang jahil dengan agama hingga kepada orang yang berilmu pengetahuan.

Di sini penulis akan membincangkan pengaruh-pengaruh Tariqat Ahmadiyah kepada masyarakat. Perbincangan akan dibuat melalui beberapa aspek iaitu keagamaan, sosial, ekonomi dan politik.

I. Keagamaan

Fitrah semulajadi manusia menuntut dari mereka untuk mendekati ajaran-ajaran keagamaan. Begitu juga dengan masyarakat Kelantan bila mendengar tentang kewujudan Tariqat Ahmadiyah di Kampung Bukit Abal, mereka mula mempelajarinya. Penglibatan orang ramai di dalam Tariqat Ahmadiyah ini adalah kerana ianya diasas sebagai sebuah tariqat yang mudah dan sesuai untuk masyarakat moden.⁶⁵ Kesibukan dalam kerja sehari-hari menjadikan mereka tidak mempunyai masa yang panjang untuk beribadat. Oleh itu Tariqat Ahmadiyah dibentuk supaya mempunyai wirid-wirid yang pendek tetapi memberi ganjaran

⁶⁴ Y. M. Prof. Madya Dr. Engku Ibrahim b. Engku Ismail, Sejarah Perkembangan Tariqat/tasauf Di Malaysia Dan Sikap Masyarakat Terhadapnya, Seminar Sufi Peringkat Kebangsaan Kali Keempat, Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM, 1988. hlm. 23.

⁶⁵ al Maathir, op. cit, hlm. 4.

pahala dan kelebihan-kelebihan yang besar sekiranya dilakukan seca
ra bersungguh-sungguh.⁶⁶

Konsep zikir dan disiplin dalam tariqat adalah untuk mela-
hir jiwa-jiwa yang mulia selaras dengan akhlak dan peribadi Rasul-
Allah. Pembentukan sedemikianlah yang dicita-citakan oleh pengasas
Tariqat Ahmadiyah. Orang ramai mula berminat untuk mempelajari il-
mu-ilmu shari'at, usuluddin dan tasauf. Mereka sudah tidak malu
menukar cara berpakaian seperti memakai kupiah di kepala, melilit
serban bagi lelaki dan memakai baju labuh dan bertudung kepala ba-
gi kaum perempuan. Di samping itu, mereka rajin menghadiri majlis-
majlis ceramah yang diadakan di masjid-masjid dan bersembahyang je
maah di surau-surau. Perubahan ini begitu ketara dalam masyarakat
Kelantan lebih-lebih lagi di Kampung Bukit Abal.⁶⁷

Namun begitu tanpa kesungguhan dalam beribadat, keadaan se-
demikian tidak mungkin wujud. Mengikut pemerhatian penulis di
sekitar kawasan Tariqat Ahmadiyah itu berpusat, hanya segelintir
sahaja yang benar-benar mengamalkan ajaran tersebut. Manakala sele-
bihnya hanya mengikuti majlis-majlis zikir sahaja, atau hanya mene-
rimanya tanpa beramal. Mereka tidak menghayati apa yang dipelajari
dan tidak pula mengambil berat terhadap amalan-amalan yang perlu
dilaksanakan sebagai seorang ahli tariqat.

66 Ibid.

67 Ismail Awang, Haji Daud Bukit Abal, op. cit, hlm. 5.

Haji Muhammad b. Haji Yusuf berkata bahawa beliau tidak begitu mengamtil tahu tentang ajaran Tariqat Ahmadiyah walaupun beliau menjadi ikhwannya semenjak zaman Haji Daud lagi. Beliau hanya mengamal beberapa wirid penting sahaja.⁶⁸ Pada pendapat penulis, terdapat ramai lagi ikhwani yang hanya menghadiri majlis-majlis zikir tetapi tidak pernah berusaha sendiri bagi membersihkan diri masing-masing untuk mencapai tahap pembersihan jiwa yang sebenar. Mereka hanya mengharapkan majlis-majlis zikir yang diadakan sekali dalam seminggu. Pada pandangan penulis, seorang sheikh tidak boleh mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka. Sheikh hanya boleh menasihati dan terpulanglah kepada individu itu sendiri untuk berusaha mencapai matlamat sebagai ahli tariqat.

2. Sosial

Sedikit sebanyak kehidupan sosial masyarakat Kelantan masih lagi terpelihara dengan nilai-nilai ketimuran. Mereka masih mengambil berat tentang ajaran keagamaan yang dianuti. Dengan adanya organisasi tariqat mereka semakin merapatkan diri kepada ajaran agama Islam. Aspek shari'at dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka dengan berpegang kepada ajaran al Quran dan al Sunnah. Perasaan takut kepada Allah lebih menguasai jiwa mereka dari menurut hawa nafsu yang cenderung kearah keduniaan secara berlebihan. Mere-

⁶⁸ Kenyataan ini adalah hasil wawancara penulis dengan Haji Muhammad b. Haji Yusuf pada 29 Ogos 1989 di Kampung Bukit Abal.

ka mampu mengawal diri dari melakukan perkara-perkara maksiat seperti minum arak, berzina, terlibat dalam jenayah dan lain-lain lagi. Mereka lebih berminat mempelajari agama, melibat diri dalam kebajikan masyarakat, berdakwah dan menunai hak-hak mereka terhadap Allah, diri, keluarga, masyarakat dan negara. Sikap dan peribadi sedemikian dilahirkan oleh ikhwan tariqat yang benar-benar menghayati ajaran dan konsep bertariqat.

Namun begitu, masih kedapatan ikhwan tariqat ini yang tidak mampu mengendalikan hati, perasaan, sikap dan sifat mereka selaras dengan ajaran Islam. Pada pandangan penulis, keadaan ini lahir kerana kemampuan mereka yang terbatas untuk menghayati ajaran tariqat dan tidak memahami konsep ajaran tasauf dalam Islam.

Penulis juga pernah bertemu dengan beberapa orang pelajar yang tidak mahu meneruskan pembelajaran apabila menyertai kumpulan tariqat ini. Mereka menganggap Islam tidak membenarkan pengajian dalam bidang-bidang yang bukan bercorak keagamaan. Sebenarnya mereka tidak memahami konsep ajaran Islam yang meletakkan pengajian dalam semua bidang sebagai fardhu kifayat. Tetapi terdapat satu pihak lagi yang bertentangan dengan sikap yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar tersebut. Mereka ini lebih bersemangat untuk mempelajari berbagai bidang pelajaran yang ditawarkan di sekolah-sekolah atau pusat pengajian tinggi. Pada hemat mereka, Tariqat Ahmadiyah telah berjaya membentuk peribadi mereka dalam meninggikan ta'awun kehidupan mereka sendiri, keluarga dan masyarakat. Oleh itu,

mereka terus belajar dan cuba mencapai peringkat tertinggi. Mereka juga merasa tahap pemahaman dan ingatan mereka makin kuat. Penulis menjangka bahawa pemahaman yang mudah dan ingatan yang kuat adalah hasil pembersihan rohani mereka dari sifat-sifat keji kearah pendedekatan diri kepada Allah.

Melihat pada aspek pemikiran pula, penulis mendapati ikhwan Tariqat Ahmadiyah tidak terkonkong dengan pemikiran ahli sufi klasik. Mereka bukanlah orang yang mengasing diri dari masyarakat luar dengan hanya tinggal ~~di dalam bilik-bilik gelap~~ untuk berkhalwat. Malahan khalwat tidak digalakkan di kalangan pengamal tariqat ini. Ikhwan tariqat ini disuruh bergaul dengan orang ramai dan melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan masyarakat. Ia bersesuaian dengan pemikiran reaksioner yang dibawa oleh pengasas pertama tariqat ini iaitu Sidi Ahmad b. Idris. Penulis berpendapat bahawa situasi begitu adalah lebih baik daripada mereka yang hanya menumpukan sepenuh perhatian pada ibadat ataupun mereka yang tidak langsung memperdulikan ajaran agama Islam.

3. Ekonomi dan politik

Pengamal tariqat yang sebenarnya dapat juga mempengaruhi ekonomi dan politik sesebuah masyarakat. Sebagai murid kepada Sidi Ahmad b. idris, ikhwan Tariqat Ahmadiyah tidak dibenarkan berpeluk tubuh sahaja. Mereka perlu bekerja mencari rezeki untuk diri dan keluarga masing-masing. Sememangnya mereka digalakkan supaya berzuhud tetapi bukanlah mengajak mereka supaya tidak memenuhi keperlu-

an hidup. Mereka juga tidak boleh terlalu mementingkan kehidupan dunia sehingga terlupa menyediakan bekalan di akhirat kelak. Tariqat Ahmadiyah mempunyai zikir pendek yang menyenangkan pergerakan seseorang. Mereka juga tidak perlu berlama di tempat ibadat semata-mata untuk beribadat kepada Allah, malahan mereka boleh bersegera menunaikan tanggungjawab mereka. Tambahan pula mereka boleh bera-mal dengan zikir sirr di setiap masa dan tempat.⁶⁹

Sheikh Tariqat Ahmadiyah Bukit Abal iaitu Haji Daud sendiri telah membuka kebun di mana hasilnya adalah lumayan demi menampung kehidupan beliau sekeluarga. Beliau juga berminat untuk berniaga tetapi tidak sempat melaksanakannya kerana beliau terlebih dahulu meninggal dunia.⁷⁰ Begitu juga dengan pengikut tariqat ini yang terdiri dari berbagai golongan masyarakat samada yang berladang, berniaga, bekerja dengan kerajaan mahupun pelajar-pelajar sekolah atau pusat pengajian tinggi. Tidak dapat dinafikan bahawa mereka juga turut menyumbang bakti dalam ekonomi negara. Jiwa-jawa yang ditarbiah ini akan dapat melaksanakan kewajiban masing-masing dengan penuh dedikasi. Mereka adalah orang-orang yang berjaya menolak rasuah, mementing diri, menipu dan lain-lain.

Begitu juga dalam bidang politik, di mana ikhwan yang terli-

⁶⁹ Hamdan Hassan, op. cit. hlm. 174.

⁷⁰ Ibid. hlm. 178.

bat di dalam politik di kira dapat memainkan peranannya dengan baik. Mereka menyimpan perasaan takut untuk melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam dan sentiasa mengingati balasan Allah di dunia dan di akhirat. Walaubagaimana pun penulis tidak dapat menghubungi mana-mana ikhwan Tariqat Ahmadiyah kumpulan Bukit Abal yang bergiat secara aktif di dalam bidang politik.

Daripada kenyataan-kenyataan di atas, dapatlah penulis membuat rumusan tentang pengaruh dan kesan Tariqat Ahmadiyah terhadap masyarakat sebagaimana berikut:

- i. Tariqat Ahmadiyah mempengaruhi masyarakat Islam dalam kesemua aspek kehidupan. Ia dapat merubah cara hidup, pe mikan, sosial, ekonomi dan politik.
- ii. Ajaran Tariqat Ahmadiyah melahirkan individu-individu muslim yang terlibat dalam urusan dunia dan akhirat.